

1018- KESALAHAN BERKAITAN ZINA DALAM PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013 DI BRUNEI DARUSSALAM: SATU PENELITIAN TERHADAP HUKUMAN HAMIL LUAR NIKAH

NORASIAH BINTI HAJI AMAI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Norasiah.hjamai@unissa.edu.bn

ABSTRAK

Hamil luar nikah merupakan salah satu kesalahan zina di bawah peruntukan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 di Brunei Darussalam. Kesalahan ini merupakan indikator penting berlakunya perlakuan zina ke atas individu memandangkan pengakuan zina dan saksi agak sukar diperoleh bagi pensabitannya. Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 pada peringkat awalnya telah menimbulkan rasa gerun masyarakat terhadap hukuman yang bakal dihadapi jika melakukan jenayah yang berkaitan kesalahan hudud. Namun, setelah beberapa tahun ianya dilaksanakan, hukuman yang ada masih statik dengan hukuman denda dan penjara. Kajian ini bertujuan untuk menentukan dan menganalisis peruntukan hukuman kesalahan hamil luar nikah dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan cara Mahkamah Syariah memutuskan hukuman ini. Data yang berkaitan dikumpul melalui kaedah dokumentasi dan temu bual. Dalam menghadapi situasi ini, hukuman alternatif selain hukuman denda dan penjara bagi pesalah hamil luar nikah boleh membantu mencegah dan menghentikan kesalahan ini daripada berulang.

Kata kunci: Zina, Hamil luar nikah, kesalahan jenayah syariah, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013

PENDAHULUAN

Kesalahan berkaitan zina pada masa kini dilihat semakin berleluasa di kalangan masyarakat. Terdapat pelbagai kes dilaporkan bagi kesalahan berkaitan zina ini. Salah satu kesalahan yang meningkat naik kebelakangan ini di Negara Brunei Darussalam adalah kesalahan hamil luar nikah. Isu hamil luar nikah ini bukanlah suatu perkara baru di kalangan masyarakat di negara ini. Peningkatan wanita hamil sebelum nikah telah meningkat apabila sebanyak hampir empat ratus kes tangkapan dan siasatan telah dibuat dari tahun 2015 hingga 2018 yang melibatkan warganegara Brunei dan juga warga asing bagi kesalahan persetubuhan luar nikah di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 (AMUIMMK Penggal 77) dan kesalahan hamil luar nikah di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS, 2013).¹ Rentetan dari peningkatan itu, sekiranya dibiarkan berlarutan ia akan terus menyumbang kepada kesalahan lainnya yang lebih besar selain daripada perzinaan seperti kelahiran anak yang tidak sah taraf dan pembuangan bayi.

Dari statistik kes jenayah yang melibatkan kesalahan hamil luar nikah bagi *muhsan* dan *ghairu muhsan*² di bawah PKHJS, 2013 pula bagi tahun 2015 hingga 2022 adalah kira-kira sebanyak 50 kes.³ Jumlah ini tidak termasuk kes-kes yang belum selesai perbicaraannya di mahkamah dan juga kes yang tidak dilaporkan. Menurut Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya

¹ Hasil sumber maklumat daripada Bahagian Penguatkuasa Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

² Tafsiran *muhsan* dalam PKHJS, 2013 ialah: seseorang yang sudah berkahwin dengan sah dan telah melakukan persetubuhan dalam perkahwinan itu. Tafsiran *ghairu muhsan* dalam PKHJS, 2013 ialah: seseorang yang belum berkahwin atau sudah berkahwin tetapi belum pernah melakukan persetubuhan dalam perkahwinan itu.

³ Hasil sumber maklumat daripada Bahagian Penyelidikan, Mahkamah Rayuan Syariah, Negara Brunei Darussalam.

Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim Haji Besar (Sekarang Ketua Hakim Syar'ie di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam) seramai 121 orang anak yang tak sah taraf dilaporkan pada tahun 2001 hingga tahun 2012.⁴ Pada tahun 2005 sahaja telah mencatatkan seramai 95 orang remaja berumur di bawah 18 tahun yang melahirkan anak luar nikah, berbanding pada tahun 2004 hanya seramai 35 orang. Apa yang mendukacitakan, dari jumlah itu seramai 92 orang adalah beragama Islam.⁵ Jumlah ini adalah sebelum PKHJS, 2013 dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana umum mengetahui, undang-undang berkaitan jenayah secara umumnya lebih menitikberatkan hukuman walaupun di antara objektif hukuman itu adalah pencegahan, pemulihan atau pengajaran dan sebagainya. Dari sudut undang-undang Syariah, istilah kesalahan zina ada pelbagai termasuk persetubuhan haram, sumbang mahram dan sebagainya namun hakikatnya hanyalah satu, iaitu melakukan persetubuhan di luar nikah iaitu persetubuhan yang tidak berasaskan akad perkahwinan (Paizah, 2012). Walau bagaimanapun semua kesalahan ini dihukumkan dengan kesalahan takzir dikebanyakannya mahkamah-mahkamah syariah memandangkan pensabitan hukuman had zina agak terbatas kepada pengakuan pesalah atau saksi sahaja. Agak jarang atau mungkin tidak ada sama sekali orang yang akan mengaku melakukan perbuatan zina pada zaman ini apa tah lagi merelakan dirinya dihukum dengan hukuman had zina atas dasar pengakuannya tersebut.

Kehamilan luar nikah ini menjadi *qarinah* atau tanda bahawa adanya kaitan penting dengan perbuatan zina. Namun kesalahan ini juga tidak boleh dihukumkan dengan hukuman had zina disebabkan adanya unsur keraguan di dalam pensabitannya. Menurut pendapat kebanyakan ulama di antaranya ulama mazhab Hanafi dan mazhab Syafi'i, kehamilan tidak boleh mensabitkan kes zina ke atas wanita dengan alasan bahawa kehamilan boleh berlaku dengan sebab persetubuhan yang berunsur *syubhah*, atau kerana dirogol. Ini bermakna punca kehamilan wanita tersebut terdapat keraguan. Justeru itu, hukuman *hadd* tidak boleh dilaksanakan. Menurut Imam Syafi'i, hukuman had zina hanya boleh dilaksanakan apabila telah disabitkan kesalahan tersebut melalui pengakuan (*iqrar*) dan juga kesaksian (syahadah) (Al-Sharbini, 2007).

Dalam pada itu, PKHJS, 2013 memperuntukkan kesalahan yang berhubung dengan perbuatan hamil luar nikah dalam Bab 94 iaitu dibawah kategori kesalahan yang berkaitan zina, zina bil-jabar atau liwat yang membawa kepada hukuman takzir. Walau bagaimanapun, bentuk hukuman takzir bagi kesalahan hamil luar nikah ini dilihat hanya dalam bentuk hukuman denda dan penjara sahaja dan kebanyakannya adalah didahulukan dengan hukuman denda berbanding penjara. Dengan keterbatasan hukuman ini, dikhuatiri kadar jenayah bagi kesalahan berkaitan zina ini akan semakin meningkat apabila tujuan hukuman untuk memberi pengajaran dan pencegahan tidak mencapai matlamat sesuatu hukuman itu diperuntukkan (Mat Saad, 2003).

Di samping itu, penghukuman takzir ini bukanlah sewenang-wenangnya dapat dilaksanakan terutama bagi kesalahan yang melibatkan jenayah hudud. Ia seakan-akan mengambil tempat hudud jika hukumannya tidak dapat dilaksanakan kerana tidak memenuhi syarat-syarat pelaksanaan seperti saksi tidak mencukupi dan seumpamanya (Abdul Aziz Juned, 2013). Apa yang jelas, sebahagian besar penghukuman ke atas pesalah syariah di Negara Brunei

⁴ Media Permata, Statistik jenayah menurun kesan undang-undang syar'iah, Salawati Haji Yahya, November 13, 2013.

⁵ Khutbah solat Jumaat bertajuk Gejala Sosial, 15 Jun 2007 (<http://kheu.gov.bn/Lists/Khutbah/AllItems>).

Darussalam sehingga kini adalah berbentuk takzir walaupun PKHJS,2013 telah menetapkan hukuman *hudud* dan *qisas* dalam peruntukannya. Ini adalah disebabkan kebanyakan kes, kalaupun ada kesalahan-kesalahan yang berbentuk *hudud*, ianya agak sukar untuk mensabitkannya kerana apabila syarat untuk mensabitkannya kepada hukuman *hudud* tidak mencukupi, maka hukumannya akan tetap berkonseptan takzir sahaja.

Justeru itu, kajian ini akan membincangkan serta meneliti peruntukan kesalahan berkaitan zina yang difokuskan terhadap kesalahan hamil luar nikah dalam PKHJS, 2013 serta hukumannya, dan seterusnya mencadangkan hukuman alternatif selain hukuman penjara dan denda yang bersesuaian.

METODOLOGI

Artikel ini menggunakan metod dokumentasi dan temu bual dengan mengumpulkan dan menganalisis laporan kes-kes penghakiman di Mahkamah Syariah Brunei. Perbincangan adalah berkaitan dengan kesalahan hamil luar nikah dan hukuman yang dikenakan terhadap kesalahan tersebut. Sebanyak 7 kes berkaitan kesalahan hamil luar nikah dari tahun 2015 hingga 2022 dipilih bagi tujuan kajian ini. Kes-kes ini diperolehi setakat mana yang dibenarkan oleh pihak Mahkamah Syariah dan Bahagian Pendakwa Syar'ie untuk tujuan penulisan ini. Kajian juga menemu bual sebanyak tiga orang Hakim Syar'ie di Mahkamah Syariah Brunei bagi mengetahui tahap penglibatan wanita dalam kesalahan hamil luar nikah serta hukuman yang dikenakan ke atas mereka. Pemilihan tiga orang Hakim Syar'ie sebagai responden adalah kerana ketiga-tiga responden ini sahaja yang dibenarkan oleh pihak Pendaftar Mahkamah Syariah untuk ditemu bual.

HAMIL LUAR NIKAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Hamil luar nikah ialah mengandung sebelum berkahwin di mana kewujudan hubungan seks di antara dua pasangan yang tidak mempunyai pertalian nikah yang sah (Khadijah Alavi et. al, 2012). Walau bagaimanapun, kehamilan seseorang sebelum nikah juga boleh berlaku akibat dirogol. Ia tertakluk kepada pembuktian terhadap wanita yang hamil tersebut. Menurut Ibn Qudamah (1969), kebanyakan pendapat mengatakan bahawa kehamilan tanpa suami adalah *qarinah* yang jelas terhadap perbuatan zina, yang mana *qarinah* ini diterima dan didokong oleh sebahagian besar ulama mazhab Maliki, Ibn al-Ghurs al-Hanafi, Ibn Qayyim al-Jawzy al-Hanbali, Ibn Taimiyyah dan termasuk juga Saidina Umar yang menerima *qarinah* sebagai dalil sabitan dalam kes ini. Malah pandangan ini bukan hanya diterima oleh beliau bahkan juga turut dikongsi oleh Saidina Ali dan Saidina Uthman sepanjang khilafah mereka tanpa adanya bantahan daripada para sahabat yang lain. Manakala golongan yang menolak *qarinah* sebagai dalil keterangan pula adalah dari kalangan jumhur ulama (Muhammad al-Sharbini, 2007). Oleh itu, pensabitan zina dengan *qarinah* kehamilan seseorang adalah ditolak oleh jumhur ulama termasuk daripada ulama mazhab Hanafi dan syafi'ie (Wahbah Az-Zuhaily , 2006).

Menurut Al-Qurtubi (2002), dalam menentukan tempoh kehamilan bagi mengesahkan kesalahan hamil luar nikah tersebut, ulama bersepakat bahawa tempoh minimum kehamilan seseorang itu adalah 6 bulan daripada waktu bersama dan melakukan persetubuhan. Hal ini berdasarkan maksud dua ayat Al-Qur'an yang menjelaskan tempoh hamil dan penyusuan iaitu:

- i) Firman Allah s.w.t yang bermaksud: “Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan.” (Surah Al-Ahqaf 46:15)
- ii) Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun.” (Surah Luqman 31:14)

Berdasarkan maksud kedua-dua ayat di atas, jika ditolak tempoh masa penyusuan anak iaitu 2 tahun atau 24 bulan daripada tempoh 30 bulan (masa keseluruhan hamil dan menyusukan anak), bermakna masa yang bakinya, iaitu tempoh hamil ialah 6 bulan. Oleh itu, mana-mana wanita yang melahirkan anak kurang dari tempoh 6 bulan kehamilannya maka anak tersebut akan dianggap sebagai anak zina atau lebih dikenali sebagai anak tidak sah taraf.

Manakala berkaitan dengan menikahi wanita hamil luar nikah, jumhur ulama membolehkan lelaki menikahi wanita yang dihamilinya, dan jika wanita tersebut melahirkan anak selepas berlalunya 6 bulan selepas bernikah maka anak tersebut boleh dinasabkan dengan lelaki tersebut. Namun mereka berbeza pendapat jika wanita hamil tersebut bernikah dengan lelaki yang bukan menghamilinya. Imam Abu Hanifah dan Muhammad berpendapat lelaki tersebut boleh menikahi wanita hamil tersebut namun ditegah untuk menggaullinya sehingga wanita tersebut melahirkan anak. Manakala Imam Syafi'ie membolehkan lelaki tersebut menggaullinya sama ada lelaki tersebut adalah orang yang menghamilinya ataupun bukan.

Sementara itu, Imam Malik dan Hanbali berpendapat bahawa wanita hamil luar nikah tidak boleh dinikahi sama ada dengan lelaki yang menghamilinya ataupun bukan sehingga melahirkan anak yang dikandungnya (Wahbah Az-Zuhaily, 2006). Alasan larangan menikahi wanita hamil luar nikah tersebut adalah kerana dikhawatir terjadinya percampuran air mani di antara lelaki yang menghamilinya dan yang bukan menghamilinya, yang boleh menyumbang kepada ketidakjelasan status anak tersebut.

PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KESALAHAN HAMIL LUAR NIKAH DALAM PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013

Umumnya kesalahan hamil luar nikah merupakan kesalahan yang diperuntukkan di dalam PKHJS, 2013 di bawah kategori kesalahan berkaitan *zina*, *zina bil-jabar* atau *liwat*. Rumusan bagi peruntukan kesalahan hamil luar nikah boleh dilihat seperti berikut:

Jadual 1: Peruntukan kesalahan hamil luar nikah di bawah PKHJS, 2013

Bab	Peruntukan	Hukuman
94. (1)	Mana-mana perempuan Islam yang didapati hamil atau melahirkan anak luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan -	<p>(a) jika dia <i>muhsan</i>, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali;</p> <p>(b) jika dia <i>ghairu muhsan</i>, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.</p>

94. (2)	Mana-mana perempuan Islam yang melahirkan anak yang penuh sifat dalam masa kurang 6 bulan <i>qamariah</i> dan 2 <i>lahzah</i> selepas dia berkahwin boleh disifatkan sebagai melahirkan anak luar nikah.	
94. (3)	Bagi maksud ceraian (1), seorang perempuan adalah dikatakan hamil atau melahirkan anak luar nikah jika – (a) dia tidak berkahwin; (b) perkahwinannya adalah bukan perkahwinan <i>syubhah</i> ; (c) dia tidak dirogol; (d) anak tersebut dilahirkan kurang 6 bulan <i>qamariah</i> dan 2 <i>lahzah</i> selepas perkahwinan yang sah; atau (e) anak tersebut dilahirkan lebih dari 4 tahun <i>qamariah</i> selepas perceraian atau pembubaran perkahwinan dan dia tidak berkahwin semula.	
94. (4)	Beban membuktikan untuk mematahkan mana-mana perenggan (a), (b), (c), (d) atau (e) dalam ceraian (3) adalah terletak atas perempuan itu.	
94. (5)	Mana-mana lelaki yang menghamilkkan seorang perempuan Islam luar nikah, sama ada atau tidak perempuan tersebut telah melahirkan anak, adalah melakukan kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan-	dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sumber: Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (Bil. S 69), Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada peruntukan di atas menjelaskan bahawa kesalahan hamil luar nikah yang tidak dikenakan hukuman *hadd* disebabkan oleh ketidak cukupan syarat untuk mensabitkannya kepada *hadd zina*, di mana ikrar dan syahadah adalah pembuktian yang utama bagi pensabitan zina.

Jika dilihat dari segi asas penetapan undang-undang Islam, takzir boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu takzir yang berasal dari kesalahan *hudud* atau *qisas* yang syaratnya tidak dipenuhi atau adanya syubhat, kesalahan yang terdapat dalam nas namun tidak dinyatakan hukumannya, dan jenis kesalahan dan hukumannya ditentukan oleh syara'. Semua jenis takzir ini diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah atau hakim (Ahmad Syarbaini, 2018).

Melalui peruntukan berhubung kesalahan hamil luar nikah, berikut ialah jadual amalan menangani kesalahan tersebut di bawah PKHJS, 2013:

Jadual 2: Amalan menangani kesalahan tersebut di bawah PKHJS, 2013

Bab	Kesalahan	Sama ada pegawai penguatkuasa agama atau pegawai polis boleh lazimnya menangkap tanpa waran atau tidak	Sama ada waran atau saman lazimnya dikeluarkan terlebih dahulu	Sama ada boleh diikat jamin atau tidak	Hukuman di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (S 69/2013)	Mahkamah Syariah mana boleh dibicarakan

94(1)	Perempuan Islam hamil atau melahirkan anak luar nikah, jika <i>muhshan</i>	Boleh tangkap tanpa waran	Waran	Boleh diikat jamin	Denda tidak melebihi \$8,000, penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali	Mahkamah Rendah Syariah
94(1)	Perempuan Islam hamil atau melahirkan anak luar nikah, jika <i>ghairu mushan</i>	Tidak boleh tangkap tanpa waran	Saman	Boleh diikat jamin	Denda tidak melebihi \$4,000, penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali	Mahkamah rendah Syariah
94(5)	Lelaki menghamilkan perempuan Islam luar nikah, sama ada atau tidak perempuan tersebut telah melahirkan anak	Boleh tangkap tanpa waran	Waran	Boleh diikat jamin	Denda tidak melebihi \$8,000, penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.	Mahkamah Rendah Syariah

Sumber: Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 (Bil S 9), Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Sejak kebelakangan ini, kesalahan-kesalahan yang dilakukan semakin beragam mengikut putaran dan perkembangan manusia. Setiap kesalahan yang bertentangan dengan kepentingan atau kemaslahatan umum setentunya mesti dihukum setimpal dengan kesalahannya yang ditentukan dengan berlandaskan budi bicara pemerintah atau hakim (Abdul Aziz Juned, 2013).

Berdasarkan peruntukan dalam PKHJS, 2013, hukuman bagi kesalahan ini adalah dalam bentuk denda dan juga penjara. Ketetapan kadar denda dan penjara terhadap pesalah adalah berdasarkan hukuman yang diperuntukkan seperti yang tertera dalam jadual di atas. Walau bagaimanapun, mahkamah masih mempunyai kuasa budi bicara menghukum dengan bilangan yang kurang daripada jumlah maksimum hukuman yang diperuntukkan.⁶

Dalam konteks hukuman bagi pesalah hamil luar nikah yang *muhshan* dan *ghairu muhshan*, kadar denda dan penjara adalah berbeza di antara keduanya di mana kadar hukuman bagi pesalah *muhshan* lebih tinggi daripada pesalah *ghairu muhshan*. Hukuman ini diperuntukkan berdasarkan asal hukuman *hadd* zina di mana hukuman bagi *muhshan* lebih berat iaitu rejam sehingga mati berbanding dengan hukuman bagi *ghairu muhshan* iaitu disebat 100 sebatan dan dihukum penjara selama tempoh satu tahun.⁷ Walau bagaimanapun, memandangkan

⁶ Temubul secara bertulis bersama Yang Arif Haji Johar bin Haji Mohammad, Hakim Syar'ie Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam pada 20hb Jun 2020 di Pejabat Bangunan Mahkamah Rayuan, Tingkat 2, Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

⁷ Bab 69(1)(a) dan bab 69(1)(b) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, 1576.

kesalahan hamil luar nikah ini adalah di bawah kategori kesalahan yang berkaitan zina, *zina bil-jabar* atau liwat di bawah PKHJS, 2013, maka hukumannya adalah denda dan penjara sahaja yang tidak membawa kepada hukuman *hadd* zina.

Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam, hukuman takzir bagi kesalahan yang tidak melibatkan hukuman *hudud* dan *qisas* seharusnya diluaskan lagi dan tidak dibataskan kepada hukuman denda dan penjara sahaja. Di mahkamah sivil, bentuk hukuman yang diperuntukkan bukan saja kepada hukuman sebat, penjara (pada kadar tempoh tertentu) dan denda bahkan juga melibatkan hukuman mati, penjara seumur hidup dan perlucutan harta.⁸

KES KESALAHAN HAMIL LUAR NIKAH DI MAHKAMAH SYARIAH BRUNEI DARUSSALAM

Bagi kesalahan hamil luar nikah yang pernah dibincangkan di bawah peruntukan PKHJS, 2013, penulis telah mendapati beberapa laporan kes penghakiman yang berkaitan dengan kesalahan tersebut. Laporan kes penghakiman ini telah diperolehi melalui fail Mahkamah Syariah dan juga daripada Bahagian Pendakwa Syar'ie antara tahun 2015 hingga 2022. Kes-kes yang disenaraikan di bawah ini terbahagi kepada dua iaitu kes kesalahan hamil luar nikah *muhsan* dan *ghairu muhsan*.

Kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

1. Kesalahan hamil luar nikah (*muhsan*):

- i. Kes Bil. BM/MRS/JEN-G/J049A/0035/02-2022 antara *Pendakwa Syar'ie lwn XYZ*⁹ telah melakukan kesalahan hamil luar nikah (*Muhsan*) dari bab 94(1)(a) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013¹⁰ dan telah dihukum denda sebanyak \$5,000.¹¹ Melalui kes ini, *XYZ* telah mengaku salah di atas kesalahannya.
- ii. Melalui kes Bil. KB/MRS/JEN-G/J049A/087/12-2020 di antara *Pendakwa Syar'ie lwn QRS* yang berkaitan dengan kesalahan hamil luar nikah (*Muhsan*) juga, *QRS* telah didakwa bawah bab 94(1)(a) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Dalam kes ini, *QRS* yang sudah bersuami telah hamil hasil perbuatannya dengan pasangan yang bukan suaminya. Dalam hal ini, *QRS* telah mengaku bersalah atas kesalahannya. Oleh itu, Hakim Syar'ie bagi kes ini telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$4,500 atau penjara 100 hari jika pesalah gagal membayar denda. Hukuman tersebut berkuatkuasa bermula 19 Januari 2021.¹²
- iii. Kes Bil. MRHS/KANUN/BM49/2015 antara *Ketua Pendakwa Syar'ie lwn XXX* yang didapati bersalah di bawah bab 94(1)(a) iaitu hamil luar nikah bagi *muhsan*. Dalam kes ini, *XXX* telah dihukum denda \$5000 atau penjara selama 9 bulan jika dia gagal membayar denda. Hukuman tersebut berkuatkuasa bermula 09/11/2016.

2. Kesalahan hamil luar nikah (*ghairu muhsan*):

⁸ Bab 53 (1), Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, Undang-Undang Brunei, 47-48.

⁹ Nama sebenar pesalah tidak didebakkan atas permintaan daripada pihak Pendakwa Syar'ie, Bahagian Pendakwaan Syar'ie, Negara Brunei Darussalam dan juga pihak Mahkamah Syariah Brunei Darussalam.

¹⁰ Bab 94(1)(a) memperuntukkan: Mana-mana perempuan Islam yang didapati hamil atau melahirkan anak luar nikah adalah melakukan suatu jenayah dan hendaklah sabit jenayah -Jika dia *muhsan*, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

¹¹ Sumber laporan daripada Pegawai Mahkamah Syariah Brunei Darussalam yang diterima pada 28 Jun 2022.

¹² Sumber kes daripada catatan Laporan Penghakiman yang belum bercetak daripada Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Brunei yang diperolehi pada 26 Jun 2022.

- i. Kes Bil. BM/MRS/JEN-G/J050A/013/01-2020 antara *Ketua Pendakwa Syar'ie lwn LMN* di mana *LMN* telah melakukan kesalahan hamil luar nikah (*ghairu muhsan*) di bawah bab 94(1)(b) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013¹³. Dalam hal ini, *LMN* telah mengaku bersalah atas jenayahnya. Oleh itu, mahkamah menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$2,000 atau penjara selama enam bulan jika gagal membayar denda.
- ii. Kes Bil. TT/MRS/JEN-G/J050A/007/10-2017 antara *Ketua Pendakwa Syar'ie lwn STU* di mana *STU* juga telah melakukan kesalahan hamil luar nikah (*ghairu muhsan*) di bawah bab 94(1)(b) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. Melalui kes ini, *STU* didenda sebanyak \$3000 atau penjara selama 180 hari jika dia gagal membayar denda. Hukuman telah berkuatkuasa bermula 22/11/2017.
- iii. Seterusnya Kes Bil. TT/MRS/JEN-G/J050A/004/03-2019 antara *Ketua Pendakwa Syar'ie lwn DEF*. Dalam kes ini, *DEF* telah melakukan kesalahan hamil luar nikah (*ghairu muhsan*) di bawah bab 94(1)(b) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. Hakim telah memutuskan hukuman denda sebanyak \$2000 terhadap *DEF*, dan jika gagal membayar denda akan di penjara selama lima bulan. Hukuman telah bermula pada 08/05/2019.
- iv. Kes Bil. BM/MRS/JEN-G/J050A/013/01-2020/01-2020 antara Ketua Pendakwa Syar'ie lwn XXZ, di mana *XXZ* telah didapati bersalah di bawah kesalahan bab 94(1)(b) iaitu hamil luar nikah bagi *ghairu muhsan*. Dalam kes ini, *XXZ* telah dihukum denda sebanyak \$2000 atau penjara selama 6 bulan jika dia gagal membayar denda. Hukuman bermula pada 12/02/2020.

Berdasarkan kes-kes di atas didapati bahawa kesemua kes dihukum dengan hukuman denda sahaja walaupun terdapat peruntukan hukuman penjara sebagai pilihan lain bagi kes tersebut. Hal ini dipercayai bahawa, penentuan hukuman denda tersebut telah menjadi amalan mahkamah syariah sejak dulu lagi berikutan ada unsur pilihan hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang.¹⁴ Melalui kes-kes di atas juga didapati bahawa hukuman denda bagi *muhsan* dan *ghairu muhsan* adalah berbeza dari segi kadarnya di mana hukuman terhadap *muhsan* lebih tinggi lagi daripada *ghairu muhsan*.

KONSEP HUKUMAN TAKZIR DALAM ISLAM

Perkataan takzir adalah dipinjam dari bahasa arab. Ia ditakrifkan sebagai pembalasan yang disyariatkan kerana sesuatu maksiat atau kesalahan jenayah yang tidak ada peruntukan pembalasan hadd dan *kaffarah* sama ada ia berkaitan dengan hak Allah (seperti memakan pada siang hari di dalam bulan Ramadhan, menerima harta riba dan seumpamanya) atau berkaitan hak hamba-Nya (seperti mencuri barang yang tidak cukup nisab, menerima rasuah dan seumpamanya) (Al-Nawani, t.t).

Selain itu, hukuman takzir merupakan satu bentuk hukuman yang dikhatusukan kepada pemimpin atau hakim dalam menetapkan hukuman selain hukuman *hudud* dan *qisas*. Dalam

¹³ Bab 94(1)(a) memperuntukkan: Mana-mana perempuan Islam yang didapati hamil atau melahirkan anak luar nikah adalah melakukan suatu jenayah dan hendaklah sabit jenayah -Jika dia *ghairu muhsan*, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

¹⁴ Temubual secara bersemuka bersama Yang Arif Haji Hassan Haji Metali, Hakim Syar'ie Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam pada 6hb Jun 2020 di Pejabat Bangunan Mahkamah Rayuan, Tingkat 2, Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

perkataan lain, ia adalah hukuman pengajaran ke atas penjenayah-penjenayah yang telah disabitkan kesalahannya oleh mahkamah dimana kesalahan yang dilakukan itu tidak termasuk di bawah kes yang membolehkannya dijatuhkan hukuman *hudud* dan *qisas* (Mohd Shukri Hanapi, 2016). Jenis atau kadar hukuman takzir juga tidak terhad kepada satu-satu hukuman bahkan ia terserah kepada kebijaksanaan dan budi bicara pemimpin atau hakim dalam menentukan serta memilih hukuman yang bersesuaian ke atas kesalahan yang dilakukan penjenayah seperti penjara, denda, rampas harta atau buang negeri dan sebagainya.

Secara umumnya, kesalahan takzir terbahagi kepada tiga iaitu:

1. Kesalahan yang termasuk dalam kategori kesalahan hudud tetapi hukuman hudud tidak dapat dilaksanakan disebabkan elemen-elemen asas pelaksanaan hukumannya tidak dapat dipenuhi.
2. Kesalahan yang tidak dianggap dalam kategori kesalahan hudud, iaitu setiap kesalahan yang disebut sebagai perbuatan maksiat yang melanggar peraturan am yang berkaitan dengan kepentingan awam seperti berkhawlwat, menerima rasuah, berbuka puasa pada siang hari bulan Ramadhan dan sebagainya.
3. Kesalahan yang termasuk dalam kategori hudud, tetapi pemerintah merasakan perlu dikenakan hukuman takzir sebagai pembalasan tambahan ke atas pesalah berkenaan.

Disebabkan hukuman takzir diperuntukkan bagi tujuan pengajaran dan membaik pulih pesalah, maka pemerintah atau hakim diberi pilihan untuk menentukan kadar hukuman yang bersesuaian dengan diri pesalah dan kesalahan yang dilakukannya. Terdapat pelbagai bentuk hukuman takzir yang boleh dilaksanakan sesuai dengan konteks kesalahan yang dilakukan namun ianya perlu diamalkan dan disesuaikan dengan peredaran zaman.

Di antara bentuk hukuman takzir yang pernah dilaksanakan pada peringkat awal Islam ialah:

1. Hukuman *Taubikh* (Memalukan Pesalah)

Tindakan ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara sama ada menerusi kata-kata atau perbuatan yang dapat menimbulkan rasa malu pada diri pesalah. Bentuk kata-kata atau perbuatan memalukan pesalah ini boleh dilakukan hakim di hadapan khalayak ramai seperti di jalan-jalan raya atau dimana-mana yang bersesuaian yang difikirkan munasabah bagi pesalah menginsafi kesalahan yang dilakukannya.

2. Hukuman denda, penahanan harta atau pemusnahannya

Ulama bercanggah pendapat terhadap hukuman denda ke atas pesalah. Sebahagian berpendapat bahawa hukuman denda tidak boleh dikenakan ke atas pesalah, dan sebahagian pendapat lagi boleh dikenakan ke atas pesalah. Ulama mazhab Hambali, termasuk Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim al-Jauziah, majoriti ulama mazhab Maliki, ulama mazhab Hanafi dan sebahagian ulama dari kalangan mazhab Syafi'ie berpendapat bahawa seorang hakim boleh menetapkan hukuman denda terhadap suatu kesalahan takzir. Dalil yang mereka kemukakan adalah berdasarkan sebuah riwayat dari Bahz bin Hukaim yang berbicara mengenai zakat unta. Dalam hadis itu Rasulullah S.A.W. bersabda:

يفرق إبل حسابها من أعطاها مؤجرًا فله أجرها ومن أبى فإننا آخذوها وشرط إبله عزمه من عزمات ربنا
(رواه النسائي)

Maksudnya:

“Siapa yang membayar zakat untanya dengan patuh, akan menerima imbalan pahalanya, dan siapa yang enggan membayarnya, saya akan mengambilnya serta mengambil sebahagian dari hartanya sebagai denda dan sebagai hukuman dari Tuhan kami”. (Hadis Riwayat an-Nasai’i) (As-Suyuti, t.t).

Dari petikan hadis di atas menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W. mengenakan denda terhadap orang yang enggan untuk membayar zakat.

Dalam riwayat dari Amr bin Syu'aib diceritakan bahawa:

ما أصاب من ذي حاجة غير متخذ خبنة فلا شيء عليه ومن خرج بشيء منه فعليه غرامة مثايه والعقوبة
(رواہ النسائي)

Maksudnya:

“Jika seseorang mengambil buah –buahan di kebun sekadar untuk dimakan (disebabkan lapar), maka dia tidak dikenakan hukuman. Tetapi jika ia mengambil buah-buahan itu untuk dibawa keluar dari kebun, ia dikenakan denda yang sama dengan harga buah yang diambil, dan dikenakan juga hukuman lain.” (Hadis Riwayat an-Nasai’i) (As-Suyuti, t.t).

Berdasarkan daripada hadis tadi, pengenaan hukuman denda adalah harus ke atas pesalah dan dianggap sebagai satu bentuk penghukuman takzir yang boleh dipraktikkan sehingga ke hari ini.

3. Hukuman penjara

Bentuk hukuman penjara sebagai hukuman takzir adalah harus berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan dan keadaan diri pesalah itu sendiri.

Walau bagaimanapun ada juga di kalangan ulama yang tidak mengharuskan hukuman penjara dilaksanakan di dalam kesalahan takzir, tetapi sebahagian ulama yang lain mengharuskan hukuman penjara berdasarkan kepada beberapa hujah, di antaranya ialah firman Allah Ta’ala yang kira-kira bermaksud:

Dan (terhadap) para wanita yang mengerjakan perbuatan keji, maka bawalah empat orang daripada kalangan kamu untuk menjadi saksi ke atas mereka, jika mereka telah memberi kesaksian, maka kurunglah mereka (wanita-wanita itu) di dalam rumah sehingga mereka menemui ajal ataupun sehingga Allah menunjukkan jalan yang lain kepada mereka.

(Surah al-Nisa: 15)

Pendapat ini disokong juga oleh tindakan Nabi S.A.W. yang menahan seorang lelaki yang dituduh mencuri, kemudian baginda membebaskannya apabila ternyata tuduhan itu tidak benar (Mat Saad, 2003).

4. Hukuman buang negeri/daerah

Kebanyakkhan ulama bersetuju tentang hukuman ini sebagai satu hukuman di dalam kesalahan takzir. Imam al-Shafi’i dan Ahmad berpendapat hukuman ini tidak harus mencapai masa setahun, manakala Imam Abu Hanifah dan Imam Malik berpendapat hukuman ini harus melebihi kadar masa setahun (Mat Saad, 2003). Pelaksanaan hukuman ini bertujuan melindungi pesalah daripada masalah berbangkit. Ini kerana sekiranya dia masih kekal di tempat itu, masyarakat akan mengeji dan memandang hina terhadapnya ke mana sahaja dia pergi (Abdul Samad et.al, 2019).

5. Hukuman salib

Hukuman salib secara takzir ini adalah berbeza dengan hukuman salib dalam kesalahan hirabah yang didahului dengan hukuman mati. Malahan pesalah yang disalib adalah masih hidup dan tidak dilarang makan atau minum, tidak dilarang melakukan wuduk untuk menunaikan solat dengan cara memberi isyarat. Dalam hukuman penyaliban ini, ulama berpendapat tidak harus melebihi masa selama tiga hari (Darsi dan Halil, 2018).

6. Hukuman sebat

Perkataan sebat diambil daripada lafaz *al-jild* yang bererti kulit badan, dimana pesalah akan didera dengan sesuatu ke atas kulit badan mereka (Faisal dan Jasni, 2016). Pada dasarnya hakim akan mengenakan hukuman sebat ke atas pesalah berdasarkan pertimbangannya dan bilangan sebatan adalah berdasarkan kesalahan yang dilakukan pesalah. Sebilangan besar ulama berpendapat bahawa jika kesalahannya adalah berat, maka bilangan sebat harus dilebihkan dari bilangan 10 sebatan (Mat Saad, 2003).

7. Hukuman mati

Pada dasarnya di dalam Islam hukuman takzir adalah bertujuan untuk memberikan pengajaran (*ta'dib*) dan tidak sampai membinasakan. Justeru itu, hukuman takzir tidak boleh ada hukuman pemotongan anggota badan atau hukuman mati namun ada juga sebilangan ulama yang mengharuskannya jika untuk kepentingan awam, atau jika pembasmian tidak dapat dilakukan kecuali dengan membunuhnya (Darsi dan Halil, 2018).

Kesemua hukuman takzir di atas tadi adalah hukuman yang pernah dilaksanakan di peringkat awal Islam. Namun sejajar dengan peredaran zaman, beberapa hukuman tidak lagi dipraktikkan kerana dianggap tidak bersesuaian dan tidak lagi relevan dengan peredaran masa. Kebanyakkannya mahkamah-mahkamah syariah pada masa kini memperuntukkan hukuman berbentuk denda, penjara dan hukuman sebat bagi kesalahan takzir.

APLIKASI HUKUMAN TAKZIR DALAM KESALAHAN HAMIL LUAR NIKAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Berhubung dengan kesalahan hamil luar nikah yang menjadi masalah sosial di negara ini, jika dilihat kepada perbincangan yang berkaitan dengan kesalahan takzir, sememangnya hukuman berdasarkan takzir amat sesuai diaplikasikan untuk menghukum pesalah-pesalah hamil luar nikah. Hal ini apabila dikaitkan dengan hukuman *hadd* zina, sudah setentunya kesalahan hamil luar nikah tidak boleh dihukum dengan hukuman *hadd* berdasarkan dengan kehamilan pesalah itu. Amat jarang sekali individu yang terlibat melakukan zina tampil mengaku perbuatan mereka melainkan ada saksi. Walau bagaimanapun kes kehamilan luar nikah menjadi indikator penting mengenai adanya perbuatan zina itu.

Justeru itu, apa yang terkandung dalam hukuman takzir mencukupi dari segi hukuman dan cara hukuman itu dilaksanakan memandangkan syarat-syarat sabitan bagi hukuman *hadd* zina agak ketat dan terbatas. Islam menetapkan bukti bagi kes zina dalam tiga cara dan kebiasaannya penetapan ini diamalkan di Mahkamah Syariah. Penetapan bukti itu adalah pengakuan (ikrar) pelaku zina itu sendiri, kesaksian empat orang lelaki yang adil dan bukti kehamilan wanita yang belum berkahwin dan tidak ada bukti bahawa dia dirogol. Dalam keadaan ini, kehamilan wanita yang belum berkahwin adalah *qarinah* yang menunjukkan kemungkinan dia berzina tetapi bukannya elemen *bayyinah* kepada dia telah berzina. Perkara ini disebabkan kerana kemungkinan besar wanita itu telah dirogol atau dianiaya tanpa kerelaannya atau kesedarannya.

Dalam memilih hukuman yang patut dan sesuai serta munasabah bagi hukuman takzir, hakim hendaklah mengambil kira mengenai keadaan hidup serta latar belakang orang yang bersalah itu dan jenis-jenis kesalahan yang mereka lakukan serta kesannya kepada Masyarakat (Said Ibrahim, 1996).

Bagi kesalahan hamil luar nikah, beberapa kes telah diputuskan sebelum ini yang telah mensabitkan tertuduh dengan kesalahan persetubuhan haram sehingga melahirkan anak luar nikah di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, iaitu sebelum Perintah Kanun Hukuman Jenayah, 2013 dilaksanakan. Sebagai contoh, dalam satu kes Pendakwa Jenayah *lwn Dk Soryani binti Pg. Besar dan Mahhamad Jin bin Roseta*, kedua-dua mereka telah didakwa melakukan persetubuhan haram dan hasil daripada perbuatan tersebut perempuan tertuduh telah melahirkan seorang anak lelaki. Kedua-dua mereka dihukum denda sebanyak \$800 atau penjara selama 30 hari.

Manakala dalam kes yang serupa di bawah PKHJS, 2013, kesalahan hamil luar nikah dibahagi kepada dua bahagian iaitu kepada *muhsan* dan *ghairu muhsan*. Beberapa kes telah diputuskan di mana pesalah dihukum dengan hukuman denda di antara \$2000 hingga \$5000 atau penjara di antara 5-6 bulan jika gagal membayar denda. Kadar hukuman bagi pesalah yang *muhsan* adalah lebih tinggi daripada pesalah *ghairu muhsan* sepetimana dalam Kes Bil. MRHS/KANUN/BM49/2015 antara Ketua Pendakwa Syar'ie *lwn XXX* yang didapati bersalah di bawah bab 94(1)(a) iaitu hamil luar nikah bagi *muhsan*. Tertuduh telah dihukum denda \$5000 atau penjara selama 9 bulan jika gagal membayar denda. Sementara itu, dalam Kes Bil. (BM/MRS/JEN-G/J050A/013/01-2020/01-2020) antara Ketua Pendakwa Syar'ie *lwn XXZ*, tertuduh telah didapati bersalah di bawah kesalahan bab 94(1)(b) iaitu hamil luar nikah bagi *ghairu muhsan* dan dihukum denda sebanyak \$2000 atau penjara selama 6 bulan jika gagal membayar denda.

Berdasarkan kepada kes-kes di atas, terdapat dua bukti utama yang dikemukakan kepada mahkamah sebelum hukuman dijatuhan iaitu hamil dan melahirkan anak tanpa nikah yang sah dan juga ikrar atau pengakuan daripada tertuduh. Ini kerana besar kemungkinan tertuduh tidak akan mengaku salah tanpa adanya *qarinah* iaitu kehamilan dan kelahiran anak di luar pernikahan yang sah. Pengakuan yang dibuat adalah bukti susulan setelah tertuduh tidak dapat mlarikan diri kerana adanya bukti yang jelas tentang adanya perzinaan (Nik Rahim, 2002). Walau bagaimanapun, hukuman *hadd* zina tidak boleh dijatuhan kepada mereka hanya dengan melihat kepada *qarinah* semata-mata disebabkan terdapat keraguan di dalam pensabitannya. Oleh itu, hukuman bagi tertuduh bagi kesalahan ini adalah merujuk kepada hukuman takzir yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan pesalah.

HUKUMAN ALTERNATIF BAGI KESALAHAN HAMIL LUAR NIKAH

Hukuman alternatif merupakan hukuman ganti kepada hukuman asal (Siti Zubaidah, 2011), atau tambahan hukuman selain daripada yang ada dalam peruntukan undang-undang. Sebagai contoh hukuman alternatif atau ganti kepada penjara adalah denda manakala kegagalan membayar denda yang dikenakan, alternatifnya pesalah akan dipenjarakan. Walau bagaimanapun, keperluan kepada hukuman alternatif yang mengandungi unsur-unsur pemulihan dilihat lebih bersesuaian dengan kesalahan hamil luar nikah ini memandangkan ianya boleh membentuk kerohanian seseorang individu tersebut. Di antara hukuman alternatif yang mengandungi unsur-unsur pemulihan tersebut adalah seperti kerja khidmat masyarakat, kelas ugama bagi memantapkan akidah dan akhlak, pusat pemulihan, kaunseling dan

sebagainya. Tambahan pula, ia boleh mengurangkan kos kerajaan menanggung pesalah jika mereka dipenjarakan.¹⁵

Walau bagaimanapun, beberapa Hakim Syar'ie juga bersetuju jika hukuman sebat ditambah sebagai hukuman alternatif agar matlamat pencegahan tercapai terutama bagi kesalahan berulang.¹⁶ Hukuman sebatan ini pada umumnya boleh mengurangkan peningkatan kesalahan. Mereka juga merasa bahawa perbuatan jenayah itu perlu kepada hukuman yang lebih berat dan sekurang-kurangnya hukuman alternatif tersebut ialah sebatan agar mereka merasa jera daripada perbuatan mereka.

KESIMPULAN

Peningkatan kesalahan hamil luar nikah di negara ini berada di tahap yang membimbangkan. Ini kerana ianya menjadi indikator bahawa perbuatan zina masih lagi berleluasa di kalangan masyarakat Brunei walaupun PKHJS, 2013 telah dikuatkuasakan. Walaupun kedudukan kesalahan hamil luar nikah ini adalah di bawah kesalahan berkaitan zina, namun hukumannya bukanlah seperti *hadd* zina, bahkan hukumannya hanya berbentuk takzir sahaja iaitu denda atau penjara. Pada kebanyakan kes kesalahan hamil luar nikah, hampir kesemua hukuman masih statik dengan hukuman denda sahaja, walau pada hakikatnya terdapat pilihan hukuman penjara disamping hukuman denda. Kajian mendapati bahawa amalan hukuman denda ini ada kaitan dengan peruntukan dalam PKHJS, 2013 itu sendiri. Kebiasaannya, hukuman denda diperuntukkan dahulu atau sebelum hukuman penjara bagi sesuatu jenayah tertentu. Keadaan ini memberi ruang kepada para hakim mengenakan hukuman denda terlebih dahulu ke atas pesalah, dan jika pesalah gagal membayar denda barulah dia akan dipenjarakan selama tempoh tertentu mengikut jenayahnya (Anita Abdul Rahim et. al, 2012).

Keperluan kepada hukuman alternatif sebagai hukuman tambahan yang mengandungi unsur-unsur pemulihan adalah penting bagi kesalahan berkaitan zina. Ianya bertujuan untuk mencegah, mengajar dan memberi pengajaran sekaligus untuk pemulihan dan pendidikan pesalah. Kebanyakan hukuman alternatif yang bersifat pemulihan dan pendidikan ini bersesuaian dengan pesalah wanita di mana sifat mereka yang lebih mudah menerima dan dibentuk berbanding pesalah lelaki.

Selain hukuman denda dan penjara, hukuman seperti khidmat masyarakat boleh dipraktikkan. Hukuman ini boleh mendarangkan kebaikan dan lebih membantu pesalah wanita yang melakukan kesalahan berkaitan zina dalam pemulihannya. Oleh itu, peruntukan undang-undang terhadap hukuman kesalahan berkaitan zina seperti hamil luar nikah perlu ditambah baik dengan memperuntukkan hukuman alternatif yang bersesuaian agar lebih membantu dalam membendung peningkatan kesalahan ini di kalangan masyarakat di Brunei Darussalam.

¹⁵ Temubual secara bertulis bersama Yang Arif Haji Johar bin Haji Mohammad, Hakim Syar'ie Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam pada 20hb Jun 2020 di Pejabat Bangunan Mahkamah Rayuan, Tingkat 2, Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

¹⁶ Temubual bersama Yang Arif Haji Hassan bin Haji Metali, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam pada 6hb Jun 2020, Yang Arif Haji Johar bin Haji Muhamad, Hakim Syar'ie Mahkamah Tinggi Syariah, Negara Brunei Darussalam, 20hb Jun 2020 dan Pengiran Dr Haji Badaruddin Pengiran Haji Abdul Rahman, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negara Brunei Darussalam, 29 Mei 2021.

RUJUKAN

- Abdul Samad Abdoll Aziz, Shahidra Abdul Khalil dan Abdul Karim Ali (2019). Hukuman Buang Daerah Malaysia: Satu Sorotan Dari Perspektif Kearifan Lokal. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 25-56.
- Ahmad Syarbaini (2018). Teori Ta'zir Dalam Hukum Pidana Islam. *Jurnal Ius Civile*, 2(2), 1-10.
- Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap (2012). Hukuman bagi Jenayah Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat (JUUM)* 16, 29-42.
- Awang Abdul Aziz Juned (2013). *Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan.
- Darsi Darsi dan Halil Husairi (2018). Ta'zir Dalam Perspektif Fiqh Jinayat. *Al-Qisthu Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Hukum*, 6(2), 60-64.
- Faisal bin Husen Ismail dan Jasni bin Sulong (2016). Hukuman Jenayah Zina Dalam Islam dan Pelaksanaannya di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Indonesia. *ESTEEM Academic Journal*, 12 (2).
- Ibn Qudāmah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad (1969). *Al-Mughni*. Cairo: Maktabah al-Kaherah.
- Khadijah Alavi, Salinan Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohammad dan Noorhasliza Mohd Nordin (2012). Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 131-140.
- Mat Saad Abd Rahman (2003). Ta'zir dan Peruntukannya Dalam Enakmen Undang-Undang Jenayah Syari'ah Negeri-Negeri di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam*, 3(5), 83-101.
- Mohamad Sujimon (2010). *The Problems of the Illegitimate Child (Walad al-zina) Foundling (Laqit) In the Sunni Schools of Law: highlights from Malaysia and Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur-IIUM Press.
- Al-Nawani, Abd al-Khalīq (t.t). *Al-Tashri' al-Jināt*. Beirut: al-Maktabah al'Asriyyah.
- Nik Rahim Nik Wajis (2002). Pembuktian Kes Melalui Qarinah Perbandingan di antara Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Syariah Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam*, 2(2), 19-34.
- Paizah Haji Ismail (2012). Menangani Zina dan Pembuangan Bayi di Kalangan Remaja dan Pelajar Sekolah: Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia. Dalam Nur Syahidah bt Abdul Jalil (Ed.), *Menangani Zina dan Pembuangan Bayi* (pp. 54-55). Kuala Lumpur: IKIM.
- Said Ibrahim (1996). *Kanun Jenayah Syariah Dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berasaskan al-Quran dan al-Hadith*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Salawati Haji Yahya (2013), Media Permata. Statistik jenayah menurun kesan undang-undang syar'iah. (Online). Pautan: <https://mediapermata.com.bn/statistik-kes-jenayah-syariah-menurun/> (diakses pada 4 Ogos 2021).
- Al-Sharbini Al-Khatib, Muhammad (2007). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani al-Fazl al-Minhaj* (Jil. 4). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Siti Zubaidah Ismail (2011), Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. *Shariah Law Reports*, 4, 25-41.

- As-Suyuti, Jalalluddin (t.t). *Sunan An-Nasāī*, jil. 5, Beirut: Dārul Qutub Ulūmiah.
- Al-Qurtubi, Ibn Rusydi (2002). *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*. Beirut: Dār al-Kutub al ‘Ilmiyyah.
- Az-Zuhaily, Wahbah (2006). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adilatuhu* (Jil. 7). Damsyik: Dār al-Fikr.
- _____, (2007). Khutbah solat Jumaat bertajuk Gejala Sosial (Online). Pautan: <http://kheu.gov.bn/Lists/Khutbah/AllItems> (diakses pada 7 September 2021).